



جباتن قنديدقن خاص

JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BUKU PANDUAN PENDIDIKAN KHAS UNTUK IBU BAPA & GURU-GURU

Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas)

Kementerian Pendidikan





جباتن قنديقن خاص

**JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BUKU PANDUAN PENDIDIKAN KHAS UNTUK IBU BAPA & GURU-GURU

Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas)
Kementerian Pendidikan

Cetakan Pertama 2022

Diterbitkan oleh
Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas), Kementerian Pendidikan
Simpang 240, Kampung Pintu Malim, Jalan Kota Batu BA2711
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

Tel.: +673 2446553 Faksimili: +673 2446551
Emel: jpkhas@moe.gov.bn

© Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas), Kementerian Pendidikan 2022

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa jua bentuk atau dengan alat apa jua pun sama ada dengan cara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan.

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan

BUKU panduan pendidikan khas untuk ibu bapa & guru-guru. -- Bandar Seri
Begawan : Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, 2022.

38p. 21cm

ISBN 978-99917-952-7-0 (softcover)

1. Special education -- Brunei Darussalam 2. Special education --
Brunei Darussalam -- Handbooks, manuals, etc

371.9095955 BUK (DDC 23)

Rupa Taip Teks: Now, 14/24 poin

Dicetak oleh
Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd.
Plot 74, Beribi Industrial Complex II
Jalan Gadong BE1118
Brunei Darussalam

Prakata

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اللَّهُمَّ segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas) telah mencapai satu lagi tonggak ke arah pendidikan inklusif untuk semua. Pada tahun ini, pihak JPKhas dengan penuh sukacita memperkenalkan edisi pertama Buku Panduan Pendidikan Khas untuk Ibu Bapa dan Guru-Guru.

Buku Panduan Pendidikan Khas untuk Ibu Bapa dan Guru-Guru ini merupakan salah satu daripada inisiatif strategik utama jabatan yang bermatlamat untuk menyediakan maklumat yang relevan kepada para ibu bapa dan guru-guru agar mereka dapat membantu dan menyokong keperluan anak mereka. Buku Panduan ini mengandungi maklumat terkini dan saksama mengenai Jabatan Pendidikan Khas dan ia juga berfungsi sebagai sumber rujukan untuk ibu bapa, guru-guru dan pihak berkepentingan yang berkenaan.

Beberapa guru-guru Pendidikan Khas yang berpengalaman (guru SEN - sebelumnya guru SENA), Guru Home-Room (HRT), Guru Sumber, dan pemimpin-pemimpin sekolah adalah antara penyumbang utama dalam proses penyediaan buku ini. Buku Panduan ini juga dicipta untuk menekankan peranan penting yang dimainkan oleh dua jenis pendidik, iaitu ibu bapa dan guru, dan untuk memupuk kesedaran bahawa kerjasama yang berkesan antara kedua-dua belah pihak adalah sangat penting dalam memastikan pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama akan dapat dicapai oleh anak-anak mereka.

Oleh itu, Buku Panduan ini dicipta untuk menerangkan dunia Pendidikan Khas kepada awda, khususnya dengan maklumat yang komprehensif mengenai apakah yang harus dilaksanakan sekiranya awda mempunyai anak berkeperluan khas; jenis program dan perkhidmatan yang tersedia untuk anak awda; butiran lengkap mengenai proses penempatan sekolah; dan maklumat tambahan lain yang berkaitan dengan laluan pendidikan alternatif untuk anak awda.

Pihak JPKhas berharap penerbitan ini akan dapat memberikan wawasan yang berguna dan bermanfaat bagi para pendidik dan pada masa yang sama dapat membantu ahli keluarga dalam mendapatkan sokongan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh kanak-kanak bekeperluan khas untuk mencapai kejayaan di sekolah.

Eddy Fazlin Bin Haji Amdan
Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas
Jabatan Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN	1
• Apa itu Pendidikan Inklusif?.....	1
• Apa itu Pendidikan Khas?	2
• Garispandu Dasar Pendidikan Khas (1997)	3
• Rangka Pendidikan Khas (2021)	3
• Dasar Pendidikan Nasional & Akta Pendidikan Wajib	4
JABATAN PENDIDIKAN KHAS	5
MEMAHAMI KEPERLUAN ANAK AWDA	7
• Siapakah Pelajar Berkeperluan Khas?	7
• Kategori Keperluan	8
PROSES RUJUKAN	9
• Senarai Dokumen yang Diperlukan untuk Borang Rujukan	10
• Penilaian & Pengujian	11
• Mesyuarat SBT / SPM / STM	12
• Tahap Keutamaan yang Ditetapkan	14
• Pelan Pendidikan Individu (PPI)	17
PERKHIDMATAN YANG TERSEDIA UNTUK ANAK AWDA	19
• Perkhidmatan Sokongan JPKhas	19
• Program Pendidikan Khas	19
• Guru-guru Pendidikan Khas	21
• Pusat Pembelajaran di Sekolah	23
MAKLUMAT LANJUT	25
• Laluan Pendidikan	25
• Direktori Sumber Keperluan Khas	27
• Borang Rujukan (Contoh)	29

PENGENALAN

Apa itu Pendidikan Inklusif?

Sejajar dengan tren global ke arah pendidikan yang inklusif, Negara Brunei Darussalam telah menerapkan konsep Pendidikan Inklusif pada tahun 1994.

Inklusif dalam pendidikan atau pendidikan inklusif adalah sebuah konsep dan proses menangani dan menyahut kepelbagaian keperluan semua pelajar.



Perkara ini bersangkut-paut dengan hal-ehwal **akses**, **penyertaan** dan **pencapaian** semua pelajar tanpa menghiraukan kelainan upaya mereka, jantina, bangsa, agama atau lokasi geografi. Ia memastikan bahawa semua kanak-kanak:

- ✔ Mengambil bahagian secara aktif dan berkesinambungan dalam proses pembelajaran dan kerja;
- ✔ Merasa dialu-alukan dan diterima;
- ✔ Memperolehi pencapaian akademik dan sosial dalam persekitaran pembelajaran yang sesuai dengan mereka.



⊗ Ia bukan hanya untuk memperuntukkan kanak-kanak kelainan upaya dan berkeperluan khas ke sekolah biasa;

⊗ Ia bukan mengenai kehadiran fizikal dan penempatan semata-mata.

Antara subkumpulan pelajar yang berada di bawah pendidikan inklusif adalah seperti berikut:



Apa itu Pendidikan Khas?

Kementerian Pendidikan mengiktiraf pendidikan khas sebagai salah satu peruntukan pendidikan yang dapat membantu memenuhi hal-ehwal akses, penyertaan dan pencapaian pelajar-pelajar berkeperluan khas.

Pendidikan khas merujuk kepada penyelarasan yang sesuai, arahan tambahan, atau peruntukan pendidikan yang berbeza yang disediakan khusus untuk pelajar-pelajar berkeperluan khas.

Garispandu Dasar Pendidikan Khas (1997)

Garispandu Dasar Pendidikan Khas yang telah diisytiharkan pada tahun 1997 adalah berasaskan prinsip pendidikan inklusif yang menyediakan rangka awal bagi perkembangan sistem pendidikan untuk menangani keperluan pelajar-pelajar berkeperluan khas. Ia menegaskan bahawa:

- Semua kanak-kanak berkebolehan untuk mengikuti pembelajaran dalam persekitaran dan suasana yang sesuai.
- Persekitaran pembelajaran yang sesuai dapat dibentuk dan diwujudkan di dalam sekolah inklusif yang dapat memberi pengajaran yang sesuai kepada semua kanak-kanak mengikut kebolehan masing-masing.

Rangka Pendidikan Khas (2021)

Rangka Pendidikan Khas adalah dokumen tambahan kepada Garispandu Dasar Pendidikan Khas (1997) yang memberikan gambaran terkini mengenai apa yang diperlukan untuk memastikan pelajar-pelajar berkeperluan khas dapat mengambil bahagian sepenuhnya dan mencapai potensi mereka.

Ia juga berfungsi sebagai sumber rujukan bagi pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program-program pendidikan khas dan perkhidmatan sokongan kepada para pelajar, ibu bapa, guru dan juga pihak berkepentingan yang berkenaan.

Dasar Pendidikan Nasional (1993) & Akta Pendidikan Wajib (2007)

Sistem pendidikan di Negara Brunei Darussalam sangat mempromosikan akses kepada pendidikan untuk semua kanak-kanak tanpa mengira kemampuan mereka, yang dinyatakan kembali dalam dasar dan perundangan nasional berikut:

Dasar Pendidikan Nasional (1993)

12 tahun pendidikan untuk kanak-kanak dari usia 6 tahun:

- 1 tahun prasekolah
- 6 tahun sekolah rendah
- 3 tahun pendidikan menengah rendah
- 2 tahun pendidikan menengah atas, atau vokasional / teknikal.

Peruntukan yang sesuai harus dilaksanakan di sekolah-sekolah kerajaan untuk menangani dan menanggapi kepelbagaian dan keperluan semua pelajar. Peruntukan tersebut adalah ciri khas yang berasaskan prinsip pendidikan inklusif.

Akta Pendidikan Wajib (2007)

Kanak-kanak usia wajib sekolah, iaitu "kanak-kanak di atas usia 6 tahun yang belum mencapai usia 15 tahun" harus bersekolah dengan tetap sebagai pelajar.

Terdapat pengecualian untuk kanak-kanak berkeperluan khas tahap tinggi yang mungkin diperlukan untuk menghadiri pusat-pusat pembelajaran tertentu yang dikendalikan oleh Organisasi Bukan Kerajaan (Non-Government Organisation - NGO).

JABATAN PENDIDIKAN KHAS



PENUBUHAN

- 1994 • Kementerian Pendidikan menerapkan konsep pendidikan inklusif.
- Unit Pendidikan Khas (UPK) ditubuhkan.
- 1 JUNE 2021 • UPK dinaiktaraf menjadi Jabatan Pendidikan Khas (JPK).



TONGGAK PENTING

Untuk mempromosikan persekitaran pembelajaran yang inklusif untuk kanak-kanak berkeperluan khas di Negara Brunei Darussalam.



PERANAN

JABATAN PENDIDIKAN KHAS

Untuk membantu dalam perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan program dan perkhidmatan pendidikan khas di sekolah-sekolah untuk pelajar-pelajar berkeperluan khas.



Visi

Pendidikan Inklusif Berkualiti,
Pelajar Berkeperluan Khas
Gemilang.



Misi

Memastikan program dan
perkhidmatan yang berkualiti
bagi membolehkan pelajar-
pelajar berkeperluan khas
mencapai potensi maksima.

Objektif Strategik Jabatan Pendidikan Khas

1

Menghasilkan rangka kerja bagi proses pembinaan kapasiti sumber manusia yang mampan bagi pegawai-pegawai dan para pendidik.

2

Memperbaiki pengurusan sumber untuk meningkatkan pendidikan berkualiti bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas di semua peringkat.

3

Memperbaiki dan mengekalkan pakatan strategik dengan pihak berkepentingan yang relevan untuk berkongsi akauntabiliti keterlibatan sosial pelajar berkeperluan khas.

MEMAHAMI KEPERLUAN ANAK AWDA

Siapakah Pelajar Berkeperluan Khas?

Pelajar berkeperluan khas dalam konteks Negara Brunei Darussalam merujuk kepada **pelajar kurang upaya** yang mungkin mempunyai satu atau lebih kesukaran berikut berdasarkan diagnosis yang diberikan oleh pakar perubatan yang bertauliah:



Memaparkan kebolehan pembelajaran atau kognitif yang jauh lebih rendah daripada akal secara purata



Mengalami masalah fizikal dan/atau deria (misalnya masalah penglihatan atau masalah pendengaran)



Menunjukkan kesukaran tingkah laku, emosi dan/atau sosial



Mempunyai kesukaran pertuturan, percakapan dan komunikasi



Mempunyai masalah dari segi kesihatan atau pengambilan perubatan yang mengganggu fungsi harian mereka

Ini tidak termasuk kesukaran belajar / ketidakupayaan belajar yang dikenal pasti selepas penilaian yang dilakukan oleh pakar profesional.

Kategori Keperluan

Keperluan kanak-kanak yang telah didiagnosis dengan masalah / kesukaran tertentu boleh dikategorikan dalam satu atau lebih kategori seperti berikut:



1) Kognisi & Pembelajaran

- Kesukaran Belajar ('mild / moderate / severe / profound')
- Disleksia / Diskalkulia / Dispraksia / Disgrafia



2) Perkembangan Tingkah Laku, Emosi & Sosial

- Gangguan Hiperaktif Kekurangan Perhatian ('ADHD')
- Kesukaran Tingkah Laku
- Kesukaran Emosi



3) Komunikasi & Interaksi

- Komunikasi Sosial
- Kefahaman (Reseptif)
- Percapakan (Ekspresif)



4) Deria dan/atau Fizikal

- Masalah dari segi Pendengaran
- Masalah dari segi Penglihatan
- Masalah dari segi Fizikal




5) Perubatan & Kesihatan

- Keadaan kesihatan & perubatan yang mempengaruhi pembelajaran pelajar

Pemeriksaan seseorang kanak-kanak di luar diagnosis adalah penting untuk menentukan keperluan sebenar mereka. Sebagai contoh, seorang kanak-kanak yang menghadapi autisme tidak sama dengan yang lain kerana masing-masing mungkin berbeza antara satu sama yang lain dalam keperluan pembelajaran, komunikasi dan interaksi atau perkembangan tingkah laku, emosi dan sosial.

PROSES RUJUKAN



CATATAN: Maklumat yang terdapat dalam carta aliran di atas tertakluk kepada sebarang perubahan dan hanya digunakan sebagai panduan umum berkenaan dengan proses rujukan bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas. Besar kemungkinan terdapat sedikit perbezaan kepada aplikasi dan proses sebenar mengikut masa dan keadaan.

Senarai Dokumen yang Diperlukan untuk Borang Rujukan

- Surat beranak / kad pengenalan pelajar
- Kad pengenalan ibu bapa / penjaga
- Maklumat pelajar dan ibu bapa / penjaga
- Tandatangan Guru Besar / Pengetua
- Cop rasmi sekolah
- Laporan perubatan (jika berkenaan)
- Hasil ujian diagnostik / saringan (jika berkenaan)
- Laporan guru dan / atau ibu bapa
- Keputusan penilaian sekolah
- Rekod kehadiran sekolah
- Hasil program intervensi sekolah yang telah dibuat / cuba
- Bukti intervensi (untuk pelajar tanpa diagnosis perubatan)



Borang rujukan mestilah ditandatangani oleh ibu bapa sebagai persetujuan sebelum merujuk kepada Jabatan Pendidikan Khas.

Penilaian

Tujuan penilaian:

- Untuk menentukan matlamat pendidikan yang sesuai, strategi pengajaran dan perkhidmatan sokongan khusus untuk membantu pembelajaran pelajar berkeperluan khas serta memaksimumkan potensi pembelajaran mereka di sekolah;
- Mengintegrasikan maklumat dari beberapa sumber (kesihatan, status sosio-emosi, sejarah perkembangan);
- Menilai keseluruhan fungsi intelek, kebolehan khusus kognitif, kemahiran pra-akademik atau akademik dan status sosio-emosi;
- Menilai kekuatan dan kelemahan pembelajaran, dan implikasinya terhadap pembelajaran;
- Menyumbang kepada proses merancang, menilai dan memantau Pelan Pendidikan Individu (PPI) pelajar.

Jenis Penilaian:

**Penilaian
'Psycho-educational'**

*oleh Pegawai
Psikologi Pendidikan*

**Penilaian Pertuturan &
Percakapan**

*oleh Jurupulih Pertuturan
dan Percakapan*

**Penilaian Motor Halus & Kasar
dan Penilaian Aksesibiliti
Persekitaran Palajar**

oleh Jurupulih Cara Kerja

Penilaian Disleksia

*oleh Perkhidmatan Bantuan
Khusus Masalah Pembelajaran
Spesifik (Disleksia)*

Komiti Peringkat Sekolah (KPS)

APA?

Komiti Peringkat Sekolah (KPS) mempunyai peranan untuk membantu guru-guru dalam membincangkan dan merangka strategi pelaksanaan pengajaran bagi membantu pelajar berkeperluan khas di dalam pembelajaran mereka di sekolah.


SIAPA?

KPS melibatkan:

- Pengetua / Guru Besar
- Timbalan Pengetua / Penolong Guru Besar
- Guru Akademik Kanan
- Guru-guru yang berkenaan (Guru SEN / Guru Sumber / Guru SENSE / Guru Home Room / Pembantu Guru / Guru Kelas / Guru Subjek)
- Kakitangan sekolah yang berkenaan
- Ibu bapa / penjaga
- Pegawai Profesional dari Jabatan Pendidikan Khas dan / atau agensi lain (jika berkenaan)
- Pelajar (jika berkenaan)

KENAPA?

KPS berperanan untuk memastikan bahawa Pelan Pendidikan Individu (PPI) disediakan, dilaksanakan dan dinilai secara berkala.



FAEDAH KPS

Menggunakan pengetahuan, kekuatan dan bakat semua ahli secara kolektif.

Memberikan bantuan secara langsung kepada guru-guru.

Menyediakan pendekatan 'action-oriented' sebagai kaedah untuk mencari penyelesaian.

Mesyuarat Perancangan Pelajar

Mesyuarat Perancangan Pelajar

Bagi pelajar yang memerlukan sokongan pembelajaran atau intervensi dari Guru SEN.

Mesyuarat Penempatan Sekolah

Bagi pelajar yang akan memulakan persekolahan formal.

Mesyuarat Peralihan Sekolah

Bagi pelajar yang akan melanjutkan pembelajaran dari sekolah rendah ke sekolah menengah.

Pelajar memasuki Pra



Pelajar Tahun 7



Tahap Keutamaan yang Ditetapkan 'Designated Priority Levels (DPL)'

'Designated Priority Levels' (DPL) adalah panduan praktikal yang bertujuan untuk mengenal pasti secara objektif tahap keperluan pelajar dengan tidak hanya berdasarkan diagnosis. Ini bertujuan untuk **mengenal pasti keperluan pelajar** dalam domain tertentu seperti berikut:



1) Bantuan Pembelajaran

Berapa kerap bantuan guru yang diperlukan oleh pelajar di dalam kelas?



2) Adaptasi Kurikulum

Adakah kurikulum perlu dimodifikasi, dimudahkan atau diadaptasikan untuk pelajar?



3) Adaptasi Fizikal

Adakah pelajar memerlukan sebarang perubahan, penambahan atau modifikasi untuk mendapatkan akses kepada persekitaran pembelajaran fizikal (kemudahan sekolah/ bilik darjah)?



4) Sumber Khusus

Adakah pelajar memerlukan sebarang bahan, peranti atau peralatan khusus untuk membantu pembelajaran mereka?



5) Pertimbangan Khas

Adakah pelajar memerlukan pertimbangan khas yang khusus semasa peperiksaan agar dapat menunjukkan pengetahuan dan kebolehan mereka?

Setiap domain ini mempunyai kriteria pemarkahannya yang tersendiri bagi menetapkan tahap 'Priority Level' untuk pelajar berkeperluan khas. Tahap 'Priority Level' yang ditetapkan kemudian digunakan untuk menentukan sama ada keperluan pelajar dapat dipenuhi dengan baik di Pusat Kecemerlangan ('Centre of Excellence - CoE') atau sekolah aliran perdana bukan CoE.

Terdapat 5 'Priority Levels' (PL) yang menentukan tahap keperluan pelajar: 'Priority Level' 1 ('Diagnosis only'), 'Priority Level' 2 ('Mild'), 'Priority Level' 3 ('Moderate'), 'Priority Level' 4 ('Severe') dan 'Priority Level' 5 ('Profound'), seperti yang dipaparkan dalam rubrik pemarkahan di bawah:

JUMLAH MARKAH	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
PRIORITY LEVEL	<i>Diagnosis only</i>		<i>Mild</i>				<i>Moderate</i>		<i>Severe</i>			<i>Profound</i>	
	PL 1		PL 2				PL 3		PL 4			PL 5	

Pelajar-pelajar berada di tahap PL1 dan PL2 akan kekal di sekolah masing-masing kerana mereka dapat mengikuti kurikulum dengan bantuan minimum atau tetap dari guru-guru mereka (Escoto-Kemp & Matzin, 2019).

Pelajar-pelajar berada di tahap PL3 (dan beberapa kes khusus pelajar-pelajar berada di tahap PL4) akan ditempatkan di CoE sekolah rendah dalam aliran perdana agar mereka menerima bantuan yang secukupnya dengan adanya sumber manusia yang berkemahiran, adaptasi fizikal dan peralatan khusus yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan spesifik mereka.

Pelajar-pelajar sekolah rendah berada di tahap PL4 dan PL5 akan dipilih untuk penempatan di sekolah-sekolah khas.

Tahap Keutamaan Program Pra-Vokasional

Apabila pelajar-pelajar berada di tahap PL3 (dan beberapa kes khusus pelajar-pelajar berada di PL4) melanjutkan pembelajaran ke sekolah menengah, ada di antara mereka akan terpilih untuk mengikuti Program Pra-Vokasional. Keperluan pelajar-pelajar ini diklasifikasikan mengikut lima kategori seperti berikut:



1) Kemahiran Hidup Berdikari

Aktiviti-aktiviti harian yang boleh meningkatkan asas kemahiran hidup berdikari pelajar adalah merangkumi pengurusan wang, membeli barangan keperluan, asas memasak, kerja rumah, mengurus masa, dan lain-lain.



2) Kemahiran Penjagaan Diri

Kemahiran yang diperlukan untuk meningkatkan tingkah laku pelajar yang berfungsi dan adaptif agar pelajar boleh hidup berdikari adalah seperti kemahiran makan dan minum, mengurus diri, berpakaian, kebersihan dan menggunakan tandas.



3) Kemahiran Akademik Berfungsi

Berapa kerap bantuan guru yang diperlukan oleh pelajar untuk asas kemahiran literasi dan numerasi?



4) Adaptasi Fizikal

Adakah pelajar memerlukan sebarang perubahan, penambahan atau modifikasi untuk mendapatkan akses kepada persekitaran pembelajaran fizikal (kemudahan sekolah/ bilik darjah)?



5) Sumber Khusus

Adakah pelajar memerlukan sebarang bahan, peranti atau peralatan khusus untuk membantu pembelajaran mereka?

Ini akan membantu untuk memastikan pelajar:

- Meningkatkan kemahiran-kemahiran yang telah diperlukan
- Mencapai kemahiran hidup berdikari;
- Menyumbang kepada pembangunan ekonomi Brunei melalui alam pekerjaan atau menubuhkan perniagaan sendiri (jika berkenaan).

Siapa yang bertanggungjawab dalam menetapkan Tahap Keutamaan ('Priority Level')?

Ahli Komite Peringkat Sekolah (KPS) yang melibatkan Pengetua / Guru Besar, guru Pendidikan Khas, ibu bapa / penjaga, dan pegawai profesional dari Jabatan Pendidikan Khas. 'Priority Level' disarankan untuk ditetapkan sebelum perangkaan Pelan Pendidikan Individu (PPI).

Pelan Pendidikan Individu (PPI)

- Pelan Pendidikan Individu atau IEP adalah dokumen yang dilaksanakan untuk memenuhi keperluan khusus pendidikan bagi pelajar berkeperluan khas.
- Dibuat untuk membina ciri-ciri kekuatan pelajar di samping memperbaiki atau memperkembangkan bidang keperluan tertentu yang telah dikenal pasti.
- PPI ditulis dan dipersetujui oleh **ahli-ahli komiti peringkat sekolah atau SBT** yang merangkumi Guru Besar, Pengetua, guru yang terlibat dalam mengajar pelajar yang berkenaan, ibu bapa/penjaga, pegawai-pegawai profesional dari Jabatan Pendidikan Khas, dan pelajar yang berkenaan jika diperlukan.
- Semasa mesyuarat PPI, perkara-perkara berikut akan dibincangkan:

- ✓ Kehidupan di rumah
- ✓ Matlamat dan objektif
- ✓ Sejarah pendidikan pelajar
- ✓ Tahap prestasi pendidikan terkini
- ✓ Sumber-sumber yang diperlukan

- ✓ Penyesuaian dan/atau pengubahsuaian
- ✓ Cara pembelajaran pelajar / bagaimana keperluan khas pelajar mempengaruhi cara pembelajaran
- ✓ Strategi pengajaran
- ✓ Penilaian
- ✓ Tempoh masa untuk merebiu

Proses PPI:



PPI Direviu Secara Formal

dengan ibu bapa/penjaga, guru dan pegawai profesional dari Jabatan Pendidikan Khas setiap 3 bulan, 6 bulan atau mengikut keperluan yang mungkin timbul kerana perubahan keperluan atau keadaan pelajar.



Konsultasi

dengan ibu bapa untuk menentukan penempatan program yang paling sesuai bagi pelajar berkeperluan khas.



Hasil Pembelajaran yang Dipersetujui

untuk pelajar.



Penilaian semula & Pengubahsuaian

program dan penempatan pelajar. Ini mungkin termasuk prosedur penilaian alternatif, dan bukan semestinya cara penilaian atau peperiksaan standard yang digunakan sekarang.



Perlaksanaan

program-program yang bersesuaian dengan objektif dan perkhidmatan yang ditentukan dalam PPI.

Maklumat penting dalam PPI:

- ✓ Tahap prestasi akademik yang dinilai
- ✓ Maklumat perubahan & latar belakang yang relevan dan keperluan khusus pelajar
- ✓ Matlamat jangka panjang dan objektif jangka pendek
- ✓ Perkhidmatan yang akan disediakan oleh Jabatan Pendidikan Khas atau agensi lain (jika berkenaan)
- ✓ Pengubahsuaian yang diperlukan di dalam bilik darjah (sebarang perubahan pada keperluan, arahan dan penilaian)
- ✓ Strategi, bahan-bahan pembelajaran, sumber-sumber, kemudahan atau peralatan yang disyorkan
- ✓ Rancangan peralihan (jika diperlukan)
- ✓ Tarikh reviu untuk membincangkan kemajuan dan perancangan selanjutnya

Perkhidmatan Bantuan

Perkhidmatan bantuan di Jabatan Pendidikan Khas termasuk:

- 1) Perkhidmatan Psikologi Pendidikan
- 2) Perkhidmatan Bantuan Khusus Pemulihan Pertuturan dan Percakapan
- 3) Perkhidmatan Bantuan Khusus Pemulihan Cara Kerja
- 4) Perkhidmatan Bantuan Khusus Sensori Pendengaran
- 5) Perkhidmatan Bantuan Khusus Sensori Penglihatan
- 6) Perkhidmatan Bantuan Khusus Masalah Pembelajaran Spesifik
- 7) Perkhidmatan Bantuan Sokongan Pembelajaran (Peringkat Rendah)
- 8) Perkhidmatan Bantuan Sokongan Pembelajaran (Peringkat Menengah)

Program-Program Pendidikan Khas

Suasana pendidikan di bawah menggambarkan bagaimana pendidikan khas di Negara Brunei Darussalam disampaikan:

Dalam bilik darjah biasa dengan mengikuti kurikulum yang disesuaikan atau diubah suai, atau dibantu oleh seorang Pembantu Guru.

Dalam kelas kecil di sekolah biasa seperti di dalam Pusat Bantuan Pembelajaran (Learning Assistance Centre - LAC) atau mengikuti program Pra-Vokasional.

Ditempatkan dalam suasana pembelajaran khusus seperti pusat pembelajaran bagi pelajar-pelajar yang mempunyai keperluan khas tahap tinggi atau kompleks.

Program pendidikan khas bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas. Program-program pendidikan khas hendaklah disesuaikan untuk memenuhi keperluan setiap pelajar.

Dua program, khususnya, telah dilaksanakan di sekolah rendah dan menengah kerajaan:

1) Program Bantuan Pembelajaran (Learning Assistance Programme - LAP)

LAP adalah pendekatan pembelajaran berasaskan penglibatan keseluruhan sekolah untuk memberikan bantuan pembelajaran kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas di sekolah rendah kerajaan. Ianya dikendalikan di pusat bantuan pembelajaran (Learning Assistance Centre - LAC) oleh guru Pendidikan Khas berdasarkan objektif pembelajaran seperti yang dinyatakan dalam PPI pelajar.

2) Program Pra-Vokasional (Pre-Vocational Programme - PVP)

Program ini adalah laluan pendidikan alternatif yang dijalankan selama 5 tahun di sekolah-sekolah menengah kerajaan bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas yang:

- Mungkin mempunyai keperluan kognitif dan pembelajaran yang berlainan;
- Memerlukan kurikulum yang diubah dan/atau disesuaikan mengikut kemampuan masing-masing.

Ini membolehkan pelajar berkenaan memperolehi pelbagai kemahiran hidup berdikari serta kemahiran vokasional asas yang dapat memperkasakan diri mereka untuk menyumbang kepada masyarakat umum.

Guru-Guru Pendidikan Khas

Guru-guru Pendidikan Khas adalah tenaga pengajar yang menyediakan pelbagai perkhidmatan bantuan bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas yang berasaskan keperluan pembelajaran masing-masing. Guru Pendidikan Khas dalam konteks Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut:

Guru 'Special Education Needs' (SEN)

- Guru yang mempunyai kelayakan, kemahiran dan pengetahuan khusus dalam bidang pendidikan khas;
- Sebagai tenaga pengajar utama di sekolah rendah dan menengah kerajaan dalam menyediakan dan mengemaskini PPI pelajar;
- Membuat penyesuaian kurikulum dan penyesuaian pengajaran individu untuk pelajar berkeperluan khas.

Seorang guru boleh dilantik sebagai Guru SEN jika guru berkenaan mempunyai sarjana muda dan/atau sarjana dalam pendidikan khas / pendidikan inklusif.

Guru Sumber

- Membantu dalam penyesuaian / pengubahsuaian kurikulum supaya pelajar berkeperluan khas akan sentiasa mendapat akses kepada pembelajaran;
- Menyediakan pelbagai sumber dan alat bantu mengajar yang bersesuaian untuk membantu pelajar-pelajar yang mempunyai masalah dari segi disleksia, pendengaran atau penglihatan;
- Dilatih dengan kemahiran dan pengetahuan asas dalam bidang pengkhususan seperti disleksia, masalah penglihatan dll.

Guru Home Room (HRT)

- Guru terlatih yang membantu pelajar dari pelbagai keperluan khas di bawah Program Pra-Vokasional (iaitu pelajar yang tidak mengikuti arus perdana dan tidak berada dalam suasana kelas biasa);
- Menghadiri sesi latihan induksi yang menumpukan kepada aspek-aspek penting dalam pendidikan khas seperti strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah, penilaian, lawatan pendidikan, sesi latihan kerja di sekolah dan penempatan kerja;
- Melibatkan diri dan sentiasa bekerjasama dengan sektor swasta untuk mempromosikan peluang penempatan pekerjaan bagi pelajar-pelajar di bawah program Pra Vokasional.

Guru SENSE ('Special Education Needs Support Educators')

- Guru dari sekolah kerajaan atau swasta yang telah mengikuti sesi latihan pendek "in-house" yang dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Khas;
- Merancang dan melaksanakan program intervensi pembelajaran yang bersesuaian untuk pelajar berkeperluan khas di sekolah masing-masing;
- Biasanya dilantik daripada kalangan tenaga pengajar dari sekolah kerajaan yang tidak mempunyai guru SEN.

Pembantu Guru

- Menolong aktiviti yang dijalankan oleh guru-guru biasa, guru SEN dan HRT bagi pelajar-pelajar di dalam kelas / LAC / PVP, secara individu, kumpulan kecil atau keseluruhan kelas;
- Memberi bantuan kepada pelajar berkeperluan khas berdasarkan objektif yang tertulis di dalam PPI pelajar;
- Mempunyai pengetahuan asas dalam pendidikan khas selepas mengikuti sesi latihan atau kursus pengenalan pendidikan khas yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Khas.

Pusat Pembelajaran di Sekolah

1) Pusat Bantuan Pembelajaran (Learning Assistance Centre - LAC)

LAC adalah satu bilik di sekolah kerajaan di mana pembelajaran khusus dijalankan dan biasanya mengandungi:

- Kerja-kerja pelajar yang dipaparkan untuk menunjukkan kemajuan dari masa ke semasa;
- Terdapat pelbagai bahan pengajaran, permainan dan buku pembelajaran;
- Fail pelajar yang mengandungi PPI masing-masing, pelbagai laporan dari pegawai profesional (jika ada), hasil penilaian, dan contoh kerja-kerja pelajar berkenaan;
- Buku rancangan harian guru SEN yang mengandungi pengajaran / pembelajaran untuk setiap kumpulan pelajar serta jadual waktu harian dan mingguan untuk individu atau kumpulan pelajar.

2) Sekolah Model Inklusif (Model Inclusive Schools - MIS)

Terdapat 5 MIS di peringkat sekolah rendah dan 4 MIS di peringkat menengah. Bilik khusus disediakan di dalam bangunan MIS yang dilengkapi dengan:

- Peralatan pembelajaran dan sumber pengajaran khusus untuk menyediakan suasana pendidikan inklusif yang berkualiti untuk pelbagai pelajar berkeperluan khas.

- Perkhidmatan bantuan pembelajaran berstruktur secara intensif dan individu yang disediakan oleh pegawai dari Jabatan Pendidikan Khas dengan kerjasama guru SEN, guru sumber dan pembantu guru.

Tujuannya adalah untuk melengkapkan pelajar-pelajar dengan kemahiran yang relevan sehingga mereka mencapai potensi yang diperlukan bagi penyertaan aktif di dalam kelas.

3) Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence - COE)


- Pada bulan Januari 2019, Jabatan Pendidikan Khas telah melaksanakan inisiatif untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan (CoE) bagi Pendidikan Inklusif.

CoE pada dasarnya adalah sekolah yang dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan yang sesuai, sumber khusus dan peralatan pembelajaran bersama dengan guru sumber mengikut keperluan pelajar.


- Dengan projek COE ini, pelajar berkeperluan khas yang tinggal di kawasan tadahan yang tertentu akan berpindah ke sekolah COE. Ini akan membolehkan perkhidmatan bantuan dioptimumkan dan dilaksanakan dengan lebih sistematik, terutamanya dari segi kekerapan penilaian dan perkhidmatan oleh pegawai dari Jabatan Pendidikan Khas.
- Pelajar yang terlibat dalam projek COE terdiri daripada mereka yang mempunyai PPI.

MAKLUMAT LANJUT

Laluan



Pendidikan



Direktori bagi Sumber-Sumber Pendidikan Khas

Agensi Kerajaan

Kementerian Pendidikan

- Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas) – **244 6553**

Kementerian Kesihatan

- Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC) – **2242424 ext. 7183**
- Klinik Mata, RIPAS – **224 2424 ext. 6239**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

- Talian Bantuan ANAK – **121**
- Talian Bantuan Kebajikan – **141**
- Pusat Bahagia – **233 0315**
- Pusat Pembangunan Belia – **239 3681**

Kementerian Hal Ehwal Ugama

- Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pengajian Islam – **223 0100 ext. 10607 / 10608**

Agensi Bukan Kerajaan

Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU)

- Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BNAB) – **222 2056**
- Persatuan Sindrom Down (ABLE) – **872 1331 (Hjh Marinah)**
- Learning Ladders Society – **245 7197**
- Persatuan Orang Kurang Pendengaran (OKP) – **884 9772**
- Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) – **223 8337**
- Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam – **265 7197**
- Masyarakat untuk Pengurusan Isu Berkaitan Autisme dalam Latihan, Pendidikan dan Sumber (SMARTER) – **717 2991**
- Special Olympics Brunei Darussalam – **865 9067 / 873 9875**

Pusat Pembelajaran

- Sekolah Antarabangsa EML – **233 3172 / 233 3713 / 822 3712**
- Engage Community – **267 2678**
- Engage Minds Learning – **267 2672**
- Fisioterapi Infant Toddler Family (ITF) – **872 7369**
- Kidz Discovery World – **223 2244 / 824 2244**
- Little Bosses IQDemy – **242 0707 / 879 0707**
- NISAI Brunei – **247 0394 / 812 6214**
- Pusat Intervensi Novelty – **811 2456**
- OT4Kids – **730 2138**
- Rising Star Child Development School – **245 1830**
- Tarbiyyah Global – **897 8685**

Borang Rujukan (Contoh)

Peringkat Rendah



B P P (R)

BORANG PERMOHONAN PERKHIDMATAN (PERINGKAT RENDAH)

Sila tandakan (✓) bagi jenis perkhidmatan yang diperlukan di bawah petak RUJUKAN I, II, atau III.

I. PENEMPATAN BERSEKOLAH	II. UMUM	III. PERTIMBANGAN KHAS
<input type="checkbox"/> Kemasukan Pra Sekolah <input type="checkbox"/> Pindah Sekolah <input type="checkbox"/> Kembali bersekolah (setelah lama tidak bersekolah) <input type="checkbox"/> Belum pernah bersekolah (yang berumur 6 tahun keatas)	<input type="checkbox"/> Rujukan semula <input type="checkbox"/> Rujukan baru <i>Sila sertakan Lampiran I & II</i>	<input type="checkbox"/> Penilaian Sekolah Rendah (PSR) <i>Sila sertakan Lampiran I & II</i>

A. KETERANGAN PELAJAR (Sila isi menggunakan HURUF BESAR)

Nama pelajar (seperti dalam surat beranak / kad pengenalan):			
Tarikh lahir (haribulan / bulan / tahun):		Jantina:	<input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan
No. surat beranak:		No. kad pengenalan (jika ada):	
No. Bru-HIMS (jika ada):		Kerakyatan:	
Diagnosa (jika ada):			

B. KETERANGAN IBU BAPA / PENJAGA (Sila isi menggunakan HURUF BESAR)

Bapa / Penjaga	(seperti dalam kad pengenalan)
Nama:	
Telefon:	Bimbit _____ Pejabat _____
Ibu / Penjaga	(seperti dalam kad pengenalan)
Nama:	
Telefon:	Bimbit _____ Pejabat _____
Alamat tempat tinggal:	
Telefon:	Rumah _____

C. PERSETUJUAN IBU BAPA / PENJAGA

Saya faham bahawa anak saya akan dirujuk ke Jabatan Pendidikan Khas untuk mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan seperti di atas. Saya juga faham bahawa

- ujian-ujian dan/atau pencapaian mungkin akan diadakan dalam proses untuk mengenalpasti keperluan anak saya.
- keputusan dari penilaian tersebut serta maklumat yang berkaitan dengan anak saya akan diedarkan, dibincangkan dan dikongsisama dengan pihak yang berkenaan bagi tujuan profesional dan/atau pendidikan.

Saya bersetuju / tidak bersetuju* bagi anak saya menerima perkhidmatan dari Jabatan Pendidikan Khas. (* Sila tandakan (✓) bagi yang berkenaan)

Tandatangan Ibu Bapa / Penjaga: _____ Tarikh: _____
 Nama: _____

Updated Jun 2021

Peringkat Menengah



B P P (M)

BORANG PERMOHONAN PERKHIDMATAN (PERINGKAT MENENGAH)

Sila tandakan (✓) bagi jenis perkhidmatan yang diperlukan di bawah petak RUJUKAN I, II, atau III.

I. PENEMPATAN BERSEKOLAH	II. UMUM	III. PERTIMBANGAN KHAS
<input type="checkbox"/> Pindah sekolah <input type="checkbox"/> Kembali bersekolah (setelah lama tidak bersekolah) <input type="checkbox"/> Belum pernah bersekolah <input type="checkbox"/> Pindah sekolah dari luar negeri	<input type="checkbox"/> Rujukan semula <input type="checkbox"/> Rujukan baru <i>Sila sertakan Lampiran I</i>	<input type="checkbox"/> Student Progress Examination (SPE) <input type="checkbox"/> 'O' Level <input type="checkbox"/> Jun <input type="checkbox"/> 'AS' Level <input type="checkbox"/> Nov <input type="checkbox"/> 'A' Level <i>Sila sertakan Lampiran I</i>

A. KETERANGAN PELAJAR (Sila isi menggunakan HURUF BESAR)

Nama pelajar (seperti dalam surat beranak / kad pengenalan):			
Tarikh lahir (haribulan / bulan / tahun):		Jantina:	<input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan
No. surat beranak:		No. kad pengenalan (jika ada):	
No. Bru-HIMS (jika ada):		Kerakyatan:	
Diagnosa (jika ada):			

B. KETERANGAN IBU BAPA / PENJAGA (Sila isi menggunakan HURUF BESAR)

Bapa / Penjaga	(seperti dalam kad pengenalan)		
Nama:			
Telefon:	Bimbit	Pejabat	
Ibu / Penjaga	(seperti dalam kad pengenalan)		
Nama:			
Telefon:	Bimbit	Pejabat	
Alamat tempat tinggal:			
Telefon:	Rumah		

C. PERSETUJUAN IBU BAPA / PENJAGA

Saya faham bahawa anak saya akan dirujuk ke Jabatan Pendidikan Khas untuk mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan seperti di atas. Saya juga faham bahawa

- ujian-ujian psikometrik dan/atau pencapaian mungkin akan diadakan dalam proses untuk mengenalpasti keperluan anak saya.
- keputusan dari penilaian tersebut serta maklumat yang berkaitan dengan anak saya akan diedarkan, dibincangkan dan dikongsisama dengan pihak yang berkenaan bagi tujuan profesional dan/atau pendidikan.


Saya bersetuju/ tidak bersetuju* bagi anak saya menerima perkhidmatan dari Jabatan Pendidikan Khas. (* Sila tandakan (✓) bagi yang berkenaan)

Tandatangan Ibu Bapa / Penjaga: _____ Tarikh: _____

Nama: _____

Updated Jun 2021

CATATAN: Borang rujukan boleh didapati dari Guru SEN atau Jabatan Pendidikan Khas.



Hubungi Kami

Jabatan Pendidikan Khas



Simpang 240, Kampung Pintu Malim,
Jalan Kota Batu BA2711
Bandar Seri Begawan
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam



Tel: 244 6553 | Faks: 244 6551



Emel: jpkhas@moe.gov.bn

ISBN 978-99917-952-7-0



9 789991 795270